

BANK OF AMERICA MALAYSIA BERHAD; BANK OF AMERICA, N.A. - CAWANGAN LABUAN;
MERRILL LYNCH MALAYSIAN ADVISORY SDN. BHD.

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PEREKRUTAN

I. PENGENALAN

Satu atau lebih entiti yang dinyatakan di atas (entiti sah tempat pemohon memohon kerja) ("Bank") telah menyediakan Notis Perlindungan Data Perekrutan ("Notis") ini untuk menggariskan amalan-amalan mereka berkenaan pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pemindahan dan pemprosesan lain untuk maklumat boleh kenal pasti individu yang dikumpulkan daripada atau tentang Pemohon ("Data Peribadi"). Untuk tujuan Notis ini, "Pemohon" bermaksud mana-mana individu yang menyerahkan Data Peribadi atau Data Peribadi telah diperolehi untuk dipertimbangkan bagi kekosongan jawatan berpotensi atau yang menghadiri atau memohon untuk menghadiri acara kerjaya.

Sekiranya Notis ini diberikan kepada Pemohon dalam bahasa selain bahasa Inggeris, sebarang percanggahan, konflik atau butiran yang tidak konsisten antara dua versi bahasa ini akan diselesaikan dengan mengutamakan versi dalam bahasa Inggeris (tertakluk pada undang-undang tempatan).

II. PENGUMPULAN DATA PERIBADI DAN TUJUAN PENGGUNAAN

Amalan perekrutan dan pengurusan bakat yang baik dan perjalanan urusan perniagaan kami yang berkesan memerlukan Bank untuk mengumpulkan, menggunakan, menyimpan, memindahkan dan sebaliknya memproses Data Peribadi tertentu.

Pihak Bank mengumpulkan Data Peribadi yang berkaitan secara langsung dengan perniagaannya, yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawabnya yang sah, atau sebaliknya dibenarkan untuk dikumpul di bawah undang-undang tempatan. Tersenarai dalam Lampiran A Notis ini ialah kategori Data Peribadi yang kami kumpulkan dan tujuan di mana kami menggunakan data yang telah kami kumpulkan, kecuali yang dibatasi oleh undang-undang tempatan. Kami menerima Data Peribadi daripada anda dan sumber-sumber lain, misalnya perujuk, penyedia pemeriksaan latar belakang dan sumber-sumber awam.

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi mengenai anda: (i) kerana kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang tempatan yang bersesuaian, (ii) kerana maklumat sedemikian diperlukan untuk pelaksanaan kontrak pekerjaan anda di masa hadapan jika anda berjaya di peringkat perekrutan, atau untuk mengambil langkah-langkah atas permintaan anda sebelum mengikat kontrak tersebut, (iii) kerana maklumat sedemikian sangat penting bagi kami dan kami mempunyai kepentingan sah yang tertentu mengikut undang-undang untuk memprosesnya, (iv) apabila kepentingan awam memerlukan, (v) apabila Data Peribadi diperlukan untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang, atau (vi) apabila perlu untuk melindungi kepentingan utama anda atau individu lain.

Anda bertanggungjawab untuk kandungan maklumat yang anda sediakan kepada kami dan anda hendaklah memastikan ia sah, jujur, benar, tepat dan tidak mengelirukan dalam apa jua cara. Anda hendaklah memastikan bahawa maklumat yang anda berikan tidak mengandungi bahan lucah, kata-kata sumpahan, fitnah, mencabuli mana-mana hak sebarang pihak ketiga, atau sebaliknya boleh didakwa oleh pihak ketiga tersebut. Anda memahami bahawa sekiranya permohonan anda berjaya, anda mungkin dikenakan tindakan disiplin dan kemungkinan pemecatan sekiranya kenyataan yang terkandung dalam borang permohonan dan dokumen-dokumen sokongan terbukti tidak benar.

Pihak Bank tidak menggunakan Data Peribadi mana-mana Pemohon untuk tujuan pemasaran secara langsung atau tidak langsung, kecuali di mana Bank memperoleh persetujuan Pemohon secara nyata untuk berbuat demikian dan memberikan Pemohon dengan hak berikutnya untuk membantah pada bila-bila masa dan tanpa dikenakan caj ke atas penggunaan Data Peribadi untuk tujuan pemasaran langsung atau tidak langsung.

DATA PERIBADI SENSITIF

Pihak Bank boleh mengumpul dan memproses kategori khas atau lain-lain Data Peribadi yang tertentu ("Data Peribadi Sensitif") mengenai Pemohon apabila diperlukan oleh undang-undang tempatan, apabila diperlukan untuk mewujudkan, melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang atau apabila perlu, Pemohon telah memberikan kebenaran yang jelas. Tertakluk kepada undang-undang bersesuaian, Bank boleh memproses maklumat mengenai:

- kesihatan fizikal dan/atau mental bagi tujuan menangani isu kesihatan, keselamatan dan penginapan tempat kerja yang berpotensi dan menilai data ketidakhadiran semasa proses perekrutan
- dakwaan/tuduhan jenayah atau kelakuan yang menyalahi undang-undang bagi tujuan saringan perekrutan dan pra-pekerjaan serta untuk penilaian pendaftaran dan keperluan perlesenan
- orientasi seksual, kaum dan/atau keturunan etnik, jantina, identiti jantina dan ekspresi jantina, kesihatan fizikal dan/atau mental bagi tujuan melaporkan kepelbagaian dan statistik rangkuman, mematuhi keperluan laporan kerajaan dan/atau kewajipan guaman lain
- data biometrik, seperti cap jari dan imbasan iris, bagi tujuan pengenalpastian elektronik, pengesahan dan keselamatan korporat, di premis-premis Bank yang terjamin keselamatannya

DATA PERIBADI MENGENAI INDIVIDU LAIN

Sekiranya Pemohon menyediakan Bank dengan Data Peribadi mengenai individu lain (cth., individu yang disenaraikan oleh Pemohon sebagai perujuk), ia menjadi tanggungjawab Pemohon untuk memaklumkan individu tersebut tentang hak mereka (lihat Seksyen VII dan IX) dan mendapatkan persetujuan mereka yang jelas, di mana perlu mengikut undang-undang bersesuaian, terhadap pemrosesan (termasuk pemindahan) Data Peribadi tersebut seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

CARA PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN

Semasa dan berkaitan dengan proses perekrutan dan pengenalpastian bakat, pihak Bank boleh mengumpul Data Peribadi secara langsung daripada Pemohon melalui penyempurnaan dan penyerahan borang dan profil permohonan dalam talian, melalui resume atau vitae kurikulum atau melalui temu duga atau komunikasi-komunikasi lain (secara lisan dan bertulis) dengan Pemohon. Pihak Bank juga boleh mengumpul Data Peribadi dari sumber lain, termasuk penyedia perkhidmatan perekrutan pihak ketiga yang pakar dan sumber yang tersedia secara umum. Maklumat peribadi akan dikumpulkan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa dan sesuai untuk kekosongan jawatan yang sebenar atau berpotensi atau acara kerjaya yang Pemohon meminta untuk dipertimbangkan.

Pengumpulan, penggunaan, pemrosesan, pendedahan atau pemindahan antarabangsa Data Peribadi boleh dilakukan dengan cara automatik atau manual, termasuk menggunakan dokumen salinan cetak atau salinan lembut atau teknologi lain yang bersesuaian.

III. PENYIMPANAN DATA DAN AKSES OLEH KAKITANGAN BANK

Pihak Bank mengekalkan rekod automatik bagi Data Peribadi Pemohon. Pihak Bank juga mungkin mengekalkan rekod salinan cetak Pemohon. Pihak Bank mengekalkan rekod-rekod ini dalam persekitaran yang selamat termasuk dalam Sistem Maklumat HR Bank dan sistem-sistem penjejakan pemohon yang lain. Data Peribadi boleh disimpan dalam bidang kuasa tempat tinggal Pemohon dan/atau dalam bidang kuasa lain di mana pihak Bank beroperasi.

Jika dibenarkan oleh undang-undang, akses kepada Data Peribadi terhad kepada individu yang memerlukan akses tersebut bagi tujuan yang disenaraikan dalam **Lampiran A**, termasuk tetapi tidak terhad kepada ahli-ahli Jabatan Sumber Manusia dan pengurus-pengurus yang terlibat dalam proses perekrutan, dan wakil-wakil kefuksian kawalan dalaman Bank yang dibenarkan seperti Pematuhan, Pejabat Ketua Pentadbiran, Keselamatan Maklumat, Keselamatan Korporat, Audit dan Undang-undang. Akses juga boleh diberikan kepada individu lain apabila betul-betul diperlukan jika dibenarkan oleh undang-undang.

IV. PENDEDAHAN

Memandangkan sifat global aktiviti-aktiviti Bank, pihak Bank boleh (tertakluk kepada undang-undang bersesuaian dan bagi tujuan yang dihuraikan dalam Notis ini) memindahkan Data Peribadi, termasuk Data Peribadi Sensitif, kepada sekutu atau operasi Bank of America yang lain yang terletak di bawah bidang kuasa lain, termasuk Amerika Syarikat atau bidang kuasa lain di mana undang-undang perlindungan datanya mungkin tidak memberikan tahap perlindungan yang setaraf dengan undang-undang di bawah bidang kuasa tempat tinggal Pemohon. Senarai sekutu milik kumpulan Bank of America Corporation tersedia atas permintaan.

Selaras dengan undang-undang bersesuaian, pihak Bank boleh mendedahkan Data Peribadi yang berkaitan kepada pihak ketiga tertentu berkaitan peruntukan perkhidmatan kepada Bank. Apabila pemrosesan Data Peribadi diwakilkan kepada pemproses data pihak ketiga, seperti yang disenaraikan dalam **Lampiran A**, pihak Bank akan mewakilkan

pemrosesan yang sedemikian secara bertulis, akan memilih pemroses data yang memberikan jaminan yang memuaskan berkenaan dengan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi, seperti keperluan perlindungan data dan keselamatan maklumat, mentadbir urus pemrosesan yang relevan dan akan memastikan pemroses data pihak ketiga bertindak bagi pihak Bank dan di bawah arahan pihak Bank.

Data Peribadi juga boleh didedahkan jika dibenarkan oleh undang-undang bersesuaian, berkaitan dengan penyusunan semula korporat, jualan, atau penyerahan hak aset, penggabungan, penyahlaburan, atau perubahan lain dalam status kewangan Bank atau mana-mana anak syarikatnya atau syarikat sekutunya. Data Peribadi juga boleh dilepaskan untuk melindungi kepentingan sah pihak Bank (kecuali jika ini akan menjejaskan hak dan kebebasan atau kepentingan Pemohon), atau mengikut pertimbangan pihak Bank untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau kawal selia yang bersesuaian dan pertanyaan atau permintaan kawal selia.

V. PEMINDAHAN ANTARABANGSA DATA PERIBADI DAN DATA PERIBADI SENSITIF

Memandangkan sifat global aktiviti-aktiviti Bank, pihak Bank boleh memindahkan Data Peribadi, termasuk Data Peribadi Sensitif ke luar bidang kuasa tempat tinggal Pemohon. Bagi pemohon yang berada dalam Kawasan Ekonomi Eropah ("European Economic Area - EEA"), ini mungkin termasuk pemindahan ke negara-negara yang berada di luar EEA. Beberapa negara tersebut telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Eropah sebagai negara yang memberikan tahap perlindungan yang mencukupi mengikut standard EEA (senarai penuh negara tersebut boleh didapati di: http://ec.europa.eu/justice/data-protection/international-transfers/adequacy/index_en.htm). Berkenaan pemindahan dari EEA ke negara-negara lain, kami telah menyediakan langkah-langkah yang mencukupi, seperti klausa berkontrak standard yang digunakan oleh Suruhanjaya Eropah bagi melindungi maklumat anda. Pemohon dalam EEA boleh mendapatkan salinan langkah-langkah ini dengan mengikut pautan ini: http://ec.europa.eu/justice/data-protection/international-transfers/transfer/index_en.htm

VI. KESELAMATAN

Bank mengekalkan langkah teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi daripada pemrosesan Data Peribadi yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan/atau terhadap kehilangan secara tidak sengaja, pengubahan, pendedahan atau akses, atau pemusnahan atau kerosakan Data Peribadi yang tidak disengajakan atau menyalahi undang-undang.

VII. AKSES, KEMUDAHALIHAN, DAN KETEPATAN DATA PERIBADI

Pemohon berhak untuk mengakses Data Peribadi yang disimpan mengenai mereka (kecuali mana-mana dokumen yang tertakluk kepada keistimewaan undang-undang, yang menyediakan Data Peribadi mengenai individu lain yang tidak berkaitan, atau yang sebaliknya tidak tertakluk pada hak akses subjek data). Mana-mana Pemohon yang ingin mengakses Data Peribadinya atau (jika dibenarkan di bawah undang-undang bersesuaian) meminta kemudahan data mereka harus menghubungi ahli kumpulan Pemerolehan Bakat Global menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Seksyen X di bawah.

Setakat yang dikehendaki oleh undang-undang bersesuaian, Pemohon berhak untuk membetulkan atau mengeluarkan data yang tidak tepat (tiada caj dikenakan kepada Pemohon tersebut dan boleh dilakukan pada bila-bila masa).

Untuk membantu pihak Bank dalam mengekalkan ketepatan Data Peribadi, Pemohon hendaklah memastikan bahawa mereka menyediakan Data Peribadi yang terkini pada sistem perekrutan dalam talian Bank atau dengan memaklumkan kumpulan Pemerolehan Bakat Global melalui: internationaltalentacquisitionoperations@bankofamerica.com. Dalam keadaan Bank menyedari terdapat sebarang ketidaktepatan pada Data Peribadi yang direkodkan, Bank akan membetulkan ketidaktepatan tersebut dengan secepat mungkin.

VIII. MODALITI PEMROSESAN DAN PENGEKALAN DATA

Pemrosesan Data Peribadi dijalankan dengan bantuan alat manual dan elektronik.

Pihak Bank akan mengekalkan Data Peribadi selagi dikehendaki oleh undang-undang bersesuaian atau selagi perlu bagi tujuan penggunaan dan pemrosesan dalam Bahagian II, mana-mana yang lebih lama. Mana-mana tempoh penyimpanan maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang yang terpakai akan dikekalkan. Pihak Bank akan memadamkan Data Peribadi selepas tempoh pengendalian yang bersesuaian.

Kriteria yang digunakan bagi menentukan tempoh pengendalian kami termasuk:

- Selagi kami mempunyai hubungan yang berterusan dengan anda;
- Seperti yang dikehendaki oleh kewajipan undang-undang yang tertakluk;

- Seperti yang dinasihatkan dengan mengambil kira kedudukan undang-undang kami (seperti berkenaan peraturan pembatasan yang digunakan, litigasi, atau penyiasatan kawal selia)

Sekiranya permohonan anda tidak berjaya, kecuali anda menyatakan kepada kami bahawa anda mahu kami mengekalkan Data Peribadi anda untuk satu tempoh yang lebih pendek atau lebih panjang, Data Peribadi anda akan disimpan selama 2 tahun selepas tarikh terakhir berhubung dengan anda yang direkodkan, dengan pengecualian kepada negara-negara tersebut:

| | |
|---|---------|
| 6 bulan: | Jerman |
| 4 minggu atau 1 tahun (dengan kebenaran pemohon): | Belanda |
| 3 tahun: | Rusia |

Untuk United Kingdom, pihak bank akan bertanggungjawab untuk menyimpan Data Peribadi calon-calon tidak berjaya yang dipertimbangkan untuk jawatan yang terjejas oleh Ujian Pasaran Buruh Residen, iaitu calon yang dipilih ialah imigran yang ditaja, di dalam kes ini, Data Peribadi akan disimpan selama 7 tahun.

Sekiranya permohonan anda berjaya, permohonan anda akan disimpan sebagai sebahagian daripada rekod personel anda.

IX. HAK LAIN DAN AKIBAT

Untuk memastikan amalan perekrutan dan pengurusan bakat yang baik dan perjalanan perniagaan Bank yang berkesan, adalah wajib bagi pihak Bank untuk mengumpulkan, menggunakan, menyimpan, memindahkan dan sebaliknya memproses Data Peribadi yang ditandakan dengan asterisk dalam Lampiran A (melainkan dinyatakan sebaliknya semasa proses permohonan). Ia adalah sukarela bagi Pemohon untuk memberikan Data Peribadi dan maklumat lain mengenai diri mereka.

Setakat yang tersedia di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, Pemohon mempunyai hak untuk membantah pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pemindahan atau pemprosesan lain Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Notis ini, hak untuk menarik balik persetujuan kepada atau meminta penghentian pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pemindahan atau pemprosesan lain Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Notis ini, dan untuk memohon pemadaman Data Peribadi tersebut. Walau bagaimanapun, bantahan terhadap pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pemindahan atau pemprosesan lain Data Peribadi, penarikan persetujuan, permintaan untuk penghentian dan permintaan untuk penghapusan boleh menjejaskan keupayaan pihak Bank untuk mempertimbangkan Pemohon bagi kekosongan jawatan yang sebenar atau yang berpotensi atau untuk acara kerjaya dan untuk memproses permohonan yang berkaitan untuk pekerjaan setakat mana tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini tidak boleh dicapai.

Mana-mana Pemohon yang berhasrat untuk membantah pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, pemindahan atau pemprosesan lain Data Peribadi seperti yang dinyatakan dalam Notis ini, untuk menarik balik persetujuan, untuk meminta penghentian atau untuk meminta penghapusan hendaklah menghubungi ahli kumpulan Pemerolehan Bakat Global menggunakan maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Seksyen X di bawah.

Di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, dalam keadaan tertentu, pihak Bank mungkin dikecualikan daripada atau berhak menolak permintaan atau hak di atas. Terma dan syarat tambahan tertentu mungkin diguna pakai untuk memproses permintaan atau hak, seperti memerlukan komunikasi yang dibuat secara bertulis atau memerlukan bukti identiti.

X. PERTANYAAN

Sekiranya mana-mana Pemohon mempunyai sebarang pertanyaan, kemusykilan atau aduan mengenai Notis ini, sila hubungi ahli kumpulan Pemerolehan Bakat Global melalui:

internationaltalentacquisitionoperations@bankofamerica.com

Pihak Bank akan berusaha sebaik mungkin untuk menyelesaikan sebarang pertanyaan, kemusykilan atau aduan dengan segera dan menurut undang-undang.

Anda mempunyai hak untuk melaporkan aduan kepada Kuasa Perlindungan Data untuk negara anda.

XI. PERUBAHAN KEPADA NOTIS INI

Notis yang terkini disiarkan pada Laman Web Kerjaya Bank of America.

Lampiran A

Kategori Data Peribadi Yang Kami Boleh Kumpul, Guna, Pindahkan dan Dedahkan:

- **Maklumat Perekrutan/Pemohon:** Sejarah pekerjaan*; Nama pekerja*; bahasa pertuturan*; pampasan terdahulu*; Rujukan pra-pekerjaan
- **Maklumat Penggajian dan Pekerjaan:** Nama jawatan dan/atau jawatan dan huraian tanggungjawab/tugas*; lokasi; band/kekananan; jabatan; peringkat dan sub peringkat perniagaan; nama entiti Bank tempatan; tarikh pekerjaan; nama penyelia/pengurus/ketua pasukan dan maklumat hubungan
- **Maklumat Demografik Peribadi:** Jantina; tarikh dan tempat lahir; nama (termasuk nama keluarga yang asal dan nama-nama lain sebelumnya)*; status keluarga/perkahwinan
- **Kepelbagaian dan Rangkuman:** jantina, identiti jantina, ekspresi jantina, latar belakang sosioekonomi
- **Butiran Visa/ Kewarganegaraan:** Status kelayakan bekerja; kelayakan kediaman*; kewarganegaraan, kerakyatan; butiran passport; butiran visa; nombor KP, nombor insurans sosial atau nombor pengecam cukai yang lain
- **Butiran Hubungan:** Alamat, telefon, e-mel* dan butiran hubungan kecemasan
- **Perbelanjaan:** Butiran akaun bank
- **Pentadbiran Pemohon:** Rekod penjejakan pemohon dan rekod pengurusan pertanyaan*; rakaman suara dan rakaman video; Surat rujukan; rekod pengurusan pertanyaan
- **Data Ketidakhadiran:** Butiran ketidakhadiran, cth. sakit
- **Data Kehadiran:** Butiran Arahan Masa Kerja
- **Data Keselamatan Fizikal dan Keselamatan Nyawa:** Data entri kad leret; CCTV; gambar (Kad ID Keselamatan jika berkenaan); laporan kemalangan dan insiden; biometrik
- **Pampasan:** Maklumat pampasan (termasuk gaji pokok, kadar pasaran, bayaran insentif, maklumat opsyen saham dan elaun)
- **Pendidikan dan Latihan:** Rekod Akademik dan pendidikan*, kelulusan profesional dan keahlian*; latihan profesional
- **Data Kawal Selia (jika berkenaan):** Lesen dan pensijilan*; pendaftaran kawal selia kewangan atau lain-lain*
- **Maklumat teknikal:** Termasuk nama pengguna dan kata laluan
- **Data Peribadi Sensitif:** Maklumat berkaitan kesihatan fizikal dan/atau mental* (jika diperlukan untuk membuat pelarasan yang munasabah dalam Proses Perekrutan), orientasi seksual, kaum dan/atau keturunan etnik, dakwaan/tuduhan jenayah atau kelakuan yang menyalahi undang-undang bagi tujuan penyaringan perekrutan dan pra-pekerjaan dan untuk penilaian pendaftaran dan keperluan perlesenan, data biometrik, seperti cap jari dan imbasan iris, bagi tujuan pengenalpastian elektronik, pengesahan dan keselamatan korporat, di premis-premis Bank yang terjamin keselamatannya

* Data Peribadi yang ditandakan dengan asterisk dalam Bahagian ini adalah wajib diberikan kepada pihak Bank oleh Pemohon (melainkan dinyatakan sebaliknya semasa proses permohonan). Ia adalah sukarela bagi Pemohon untuk memberikan Data Peribadi dan maklumat lain mengenai diri mereka. Beberapa data peribadi yang disenaraikan di atas boleh dikongsikan, dikumpul, digunakan, dipindahkan dan/atau didedahkan selaras dengan undang-undang/peraturan tertentu negara pada peringkat tawaran.

Tujuan Kami Mengumpul, Menggunakan, Memindahkan dan Mendedahkan Data Peribadi:

- **Aktiviti merekrut, pengurusan bakat, perancangan penggantian dan pentadbiran umum** cth. bahan-bahan pengurusan acara, menyimpan data permohonan anda di dalam fail, komunikasi dengan Pemohon mengenai sebarang kekosongan pekerjaan yang sebenar atau berpotensi atau acara kerjaya, menjalankan temu duga, pertimbangan kelayakan bagi pemilihan sebagai calon untuk pekerjaan, dan menawarkan kelulusan
- **Pengesahan/Pengenalpastian Pemohon**
- **Sistem maklumat sumber manusia (“HRIS”) serta sokongan dan pembangunan aplikasi**
- **Sokongan teknologi maklumat dan keselamatan maklumat** (termasuk antispam dan perlindungan virus, dan pengawasan keselamatan siber)
- **Analisis data kepelbagaian dan rangkuman** (tanpa nama dan teragregat)
- **Pengurusan operasi perniagaan dalaman** (proses perniagaan dalaman misalnya analisis data, pengawasan, ujian dan audit)
- **Mematuhi laporan kerajaan yang bersesuaian dan keperluan undang-undang tempatan dan asing yang lain** (termasuk keperluan Akta Sarbanes-Oxley AS atau peraturan kawalan dalaman lain yang bersesuaian dan bidang-bidang peraturan imigrasi, cukai atau kewangan berkanun) dan kewajipan-kewajipan sah yang lain
- **Mempertahankan, menyediakan, menyertai dan memberikan respons kepada potensi tuntutan undang-undang, penyiasatan dan pertanyaan kawal selia** (semuanya seperti yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai)

Kategori Pihak Ketiga Tidak Bersekutu Yang Kami Boleh Berkongsi Data Peribadi:

- **Penasihat Profesional:** Akauntan, juruaudit, peguam, dan penasihat profesional luaran yang lain di semua negara di mana pihak Bank beroperasi
- **Penyedia Perkhidmatan:** Syarikat-syarikat yang menyediakan produk dan perkhidmatan kepada Bank di negara-negara di mana Bank beroperasi, contohnya perkhidmatan sumber manusia dan perekrutan; pengurusan perbelanjaan, pembekal dan sokongan sistem IT, sambutan dan keselamatan, penyedia perkhidmatan katering dan logistik, perkhidmatan penterjemahan, pihak-pihak ketiga yang membantu menganjurkan acara dan aktiviti-aktiviti pemasaran, pengamal perubatan atau kesihatan, dan lain-lain penyedia perkhidmatan
- **Pihak Berkuasa Awam dan Kerajaan:** Entiti yang mengawal selia atau mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank di negara pihak Bank beroperasi, seperti pihak berkuasa kawal selia, penguatkuasaan undang-undang, badan-badan awam, badan pelesenan dan pendaftaran, badan kehakiman serta pihak ketiga yang dilantik oleh pihak berkuasa tersebut
- **Pihak yang Berkaitan dengan Transaksi Korporat:** Pihak ketiga yang berkaitan dengan sebarang rombongan yang dikemukakan atau yang sebenar, penggabungan, jualan, usaha sama, penugasan, pemindahan atau aturan lain bagi semua atau sebarang bahagian perniagaan, aset atau saham Bank (termasuk yang berkaitan dengan sebarang kemuflihan atau prosiding serupa), cth., bursa saham dan kaunterpart perniagaan